

# Program ilmu luar kelas mampu asah daya kepimpinan pelajar

DE 15.10.2017 2

KOTA KINABALU: Pelajar, termasuk yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi perlu digalakkan menyertai program keilmuan di luar kelas atau bilik kuliah seperti simposium kerana ia boleh membantu membina daya kepimpinan mereka.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata penyertaan pelajar dalam simposium, khususnya yang bercorak keislaman juga mampu membina daya fikir bercorak Islamik di kalangan pelajar.

“...peserta simposium akan dilatih untuk menjadi pemimpin yang berkualiber dan berani menghadapi cabaran kerana mereka adalah aset negara yang diharapkan untuk menjadi agen perubahan positif dalam kalangan masyarakat,” katanya dalam ucapannya sempena perasmian Simposium Daei Muda 2017 di UMS di sini pada Sabtu.

Teks ucapan D Kamarudin dibacakan oleh Dekan Fakulti Psikologi dan Pen-

didikan UMS Prof Dr Mohd Dahlan Abdul Malek. Simposium berkenaan dihadiri kira-kira 250 pelajar dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta sekolah menengah.

Antara penceramah sempena simposium sehari anjuran Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) berkenaan ialah Mufti Negeri Sabah Datuk Bongsu@Aziz Jaafar dan Pensyarah Hubungan Antarabangsa UMS Prof Madya Dr Mohd Noor Mat Yazid.

Menurut D Kamarudin melalui simposium juga generasi muda, khususnya pelajar, boleh mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan agar mereka lebih bersedia menghadapi pelbagai cabaran dalam menempuh realiti kehidupan dunia serba mencabar pada masa kini bagi membina masa depan yang cerah.

Beliau berharap semua peserta simposium berkenaan akan mengaplikasikan segala ilmu yang diperoleh dalam kehidupan sebenar serta terus melibatkan diri dalam kegiatan seperti itu kerana ia dapat membuka minda peserta untuk berpandangan jauh, kreatif dan kritis.

Sementara itu, Setiausaha Unit Korporat dan Komunikasi YDKMM Cawangan Sabah, Farah Hazimah Abdul Jaid pula berharap program berkenaan akan dapat memberi impak positif maksimum dalam proses pembinaan daya kepimpinan pelajar.

Katanya, YDKMM juga berharap program berkenaan berupaya membangunkan kesedaran generasi muda serta pelajar untuk menjadi seorang pendakwah serta menjadi pemimpin masa depan masyarakat dan negara yang berfikiran Islamik. – Bernama